



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاترْ خَالِ الْاَحوَالِ الْاِسلامِيَّةِ نِجَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

29 MUHARAM 1447H / 25 JULAI 2025M

“WASPADA BOMOH TEMBERANG: KEMBALI KEPADA SYARIAT, BUKAN KHURAFAT”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَلَا تَدْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ فَإِنْ فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذَا مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿١٠٦﴾
(يونس: 2106)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita bersama-sama berpaut kepada nilai ketakwaan kepada Allah SWT sebagai manifestasi keimanan, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan apa yang dilarang-Nya. Moga-moga kita dikurniakan kejayaan sama ada di dunia mahupun akhirat yang dijanjikan. Pada hari Jumaat yang berkat ini, khatib akan menyampaikan khutbah bertajuk ***“Waspada Bomoh Temberang: Kembali Kepada Syariat, Bukan Khurafat.”***

Syariat secara ringkasnya merujuk kepada segala hukum, peraturan, dan ajaran yang telah ditetapkan oleh Allah SWT melalui Al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Ia adalah jalan hidup yang syumul, mengatur setiap aspek kehidupan manusia, sama ada akidah, ibadah, muamalat hinggalah bab adab dan akhlak. Melakukan sesuatu mengikut syariat bermakna, kita berpegang teguh pada petunjuk ilahi, mencari keredaan Allah SWT, dan meyakini bahawa setiap permasalahan akan ada penyelesaiannya jika mendalami syariat Islam yang sebenar.

Manakala khurafat pula, adalah kepercayaan karut, tahayul, atau amalan yang tidak bersumberkan ajaran Islam yang sahih. Ia seringkali melibatkan perkara-perkara yang bertentangan dengan akal yang sihat dan syariat seperti meramal nasib, atau melibatkan diri dengan amalan sihir. Khurafat boleh membawa kepada kesyirikan, iaitu perbuatan menyekutukan Allah SWT, dan ia adalah dosa besar yang tidak akan diampunkan sekiranya mati dalam keadaan tidak bertaubat.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Dalam masyarakat kita, masih ada segelintir individu yang terjat dalam perangkap bomoh, dukun atau tukang ramal. Mereka ini seringkali menggunakan nama Islam, ayat-ayat Al-Quran, dan hadis-hadis untuk mengaburi mata masyarakat, padahal amalan mereka jelas bercanggah dengan syariat dan menjurus kepada khurafat dan syirik. Mereka mendakwa mampu menyelesaikan masalah kewangan, mengembalikan orang yang lari, atau menyembuhkan penyakit kronik dengan cara yang tidak munasabah dan tidak jelas sumbernya. Berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah Yunus ayat 106 yang dibacakan diawal khutbah tadi **yang bermaksud:** *“Dan janganlah engkau menyembah atau memuja yang lain dari Allah, iaitu benda-benda yang tidak dapat mendatangkan faedah kepadamu dan tidak pula dapat mendatangkan mudarat kepadamu. Oleh itu, jika engkau mengerjakan yang demikian, maka pada saat itu menjadilah engkau dari orang-orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syiriknya).”*

Ayat ini jelas melarang kita daripada menyembah atau memohon pertolongan kepada selain Allah SWT, termasuklah kepada bomoh yang mendakwa memiliki kuasa luar biasa. Berbuat demikian adalah kezaliman terbesar terhadap diri sendiri kerana ia merupakan perbuatan syirik. Tambahan pula, Rasulullah SAW telah memberi amaran keras mengenai bahaya mempercayai tukang ramal dan bomoh.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, Nabi SAW bersabda **yang bermaksud:** *“Sesiapa yang mendatangi tukang ramal (atau bomoh) lalu bertanya kepadanya tentang sesuatu (perkara ghaib) dan mempercayainya, maka tidak diterima solatnya selama empat puluh hari.”* (HR Muslim)

Hadis ini menunjukkan betapa besar kesan buruknya jika kita mempercayai dakwaan bomoh, dukun atau tukang ramal sehingga amal ibadah kita terjejas. Contoh amalan khurafat yang sering dilakukan oleh bomoh, dukun dan tukang ramal yang tidak berpaksikan syariat Islamiyyah adalah:

Pertama: Memberi tangkal atau azimat yang mengandungi tulisan cebisan ayat al-Quran dan ditambah simbol atau kalimah yang tidak difahami. Contohnya, memberikan "wafaq" yang kononnya boleh menarik rezeki, pelindung diri bahkan pelaris perniagaan, padahal kandungannya mempunyai seruan kepada jin atau simbol-simbol syirik.

Kedua: Meminta syarat-syarat pelik dan bertentangan syarak. Misalnya, menyuruh pesakit mandi bunga tujuh telaga, tidur di kuburan, atau menyediakan sesaji tertentu untuk “penunggu”. Ini adalah amalan yang jelas melibatkan khurafat dan mungkin pemujaan kepada makhluk lain selain Allah.

Ketiga: Mendakwa mengetahui perkara ghaib atau masa depan. Seperti mendakwa boleh meramal nasib perkahwinan, keputusan peperiksaan, atau mencari barang hilang dengan "bantuan" jin. Ini adalah penipuan semata-mata kerana hanya Allah SWT yang mengetahui perkara ghaib. Firman Allah dalam surah al-An'am ayat 59:

* وَعِنْدَهُ مَفَاتِيحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ ... ﴿٥٩﴾

Maksudnya: “Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tidak ada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dia sahaja.”

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Islam tidak meninggalkan kita tanpa panduan dalam hal gangguan sihir, penyakit, dan tekanan jiwa. Kita tidak perlu kepada bomoh atau perbuatan yang menyekutukan Allah SWT. Islam menyediakan alternatif sah yang bersih dari perkara khurafat. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menguatkuasakan Akta 775 Bermula 1 Mac 2025, iaitu Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016. Di bawah peruntukan akta ini, semua pengamal pengubatan termasuk pengamal perubatan Islam diwajibkan berdaftar secara rasmi dengan Kementerian Kesihatan Malaysia sebelum dibenarkan menjalankan sebarang bentuk amalan pengubatan. Pendaftaran ini perlu memenuhi tahap kompetensi serta mematuhi standard profesional yang telah ditetapkan.

Tujuan utama pelaksanaan akta ini adalah untuk melindungi keselamatan dan kesejahteraan masyarakat yang mendapatkan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari, serta bagi mengelakkan penyelewengan, penyalahgunaan, dan penyebaran unsur-unsur khurafat dalam rawatan.

Sekiranya seseorang pengamal didapati menjalankan amalan tanpa pendaftaran yang sah, mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang. Bagi kesalahan pertama, pesalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM30,000 atau dipenjara selama tidak melebihi dua (2) tahun, atau kedua-duanya. Manakala bagi kesalahan kedua dan seterusnya, denda boleh meningkat sehingga RM50,000 atau hukuman penjara sehingga

tiga (3) tahun, atau kedua-duanya sekali.

Sebagai langkah penapisan dan pematuhan syariah, setiap pengamal pengubatan Islam yang ingin berdaftar perlu melalui Ujian Saringan Standard Pengukuran Pematuhan Syariah Bagi Pengamal Pengubatan Islam, atau dikenali sebagai Ujian Saringan i-Syifa'.

i-Syifa' ialah satu inisiatif rawatan Islam berlandaskan al-Quran dan Sunnah, dikendalikan oleh pegawai dan pengamal bertauliah di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Negeri. Ia merupakan kaedah perubatan Islam tanpa unsur khurafat, syirik, atau jampi yang tidak diketahui asalnya. Antara kaedah yang digunakan dalam i-Syifa' ialah Bacaan ruqyah syar'iyah (ayat al-Quran dan doa-doa sahih) dan zikir serta doa yang diriwayatkan daripada Nabi SAW.

JEMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

Kesimpulan daripada khutbah hari ini ialah apabila kita diuji dengan kesusahan, penyakit, atau masalah, maka jalan terbaik adalah kembali kepada syariat. Islam menganjurkan kita untuk berusaha (berikhtiar) dan bertawakkal kepada Allah SWT. Carilah rawatan perubatan yang sahih, sama ada perubatan moden atau perubatan tradisional yang tidak bercanggah dengan syarak.

Justeru, marilah kita sentiasa berwaspada dengan perkara yang boleh menyekutukan Allah SWT. Lindungilah akidah kita daripada amalan syirik dan khurafat. Sebarkan kefahaman yang betul tentang syariat Islam dan bahaya perbuatan khurafat. Semoga Allah SWT sentiasa membimbing kita semua ke arah kebenaran dan melindungi kita daripada segala bentuk kesesatan dan syirik. Ingatlah pesan Allah SWT seperti Firman-Nya dalam surah at-Taubah ayat 51:

قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿٥١﴾

Yang bermaksud: "Katakanlah (wahai Muhammad): "Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dia lah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Sesungguhnya Islam menuntut umatnya agar hidup dalam suasana aman dan teratur. Maka, menjadi tanggungjawab setiap muslim untuk berganding bahu menegakkan keadilan serta memelihara undang-undang negara yang selari dengan prinsip syariah.

Bersempena dengan 103 tahun penubuhan Jabatan Imigresen Malaysia, mimbar turut menyeru kepada semua lapisan masyarakat agar bersama berganding bahu, membantu dan memberikan kerjasama erat kepada Jabatan Imigresen Malaysia dalam kita mendepani sebarang ancaman keselamatan agar kestabilan negara dapat dipertahankan dengan sebaiknya. Justeru itu, marilah kita panjatkan doa agar keamanan dan keharmonian negara yang telah kita kecapai akan berkekalan selamanya. Marilah kita juga memperbanyakkan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ

الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفَرْتُوا نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ الرَّحِيمُ.
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.